Wadah Pembaharuan
BH ONLINE

Guru kaunseling di sekolah belum cukup, KPM komited capai nisbah 1:250 - Fadhlina

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - Oktober 7, 2024 @ 3:03pm
bhnews@bh.com.my



Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek (dua, kiri) bersama Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari (tiga,kiri) melawat ke reruai pameran selepas Program Tekad Reformasi Pendidikan di Dewan Seri Cempaka MPKJ hari ini. - Foto BERNAMA

KAJANG: Kementerian Pendidikan (KPM) mengakui jumlah guru kaunseling yang terdapat di sekolah rendah dan menengah kendaliannya di seluruh negara ketika ini belum mencukupi.

Justeru, Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata pihaknya kini dalam proses untuk mencukupkan jumlah itu, sekali gus memastikan sasaran nisbah seorang guru kaunseling bagi 250 murid sekolah rendah dan menengah dapat direalisasikan.

"Sasaran itu belum capai lagi, tetapi kita dalam proses (mencukupkannya)... kita dapat melihat pertimbangan itu sangat baik kerana pengisian untuk guru kaunseling sentiasa mendapat perhatian daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) khususnya bagi memenuhi keperluan.

"Oleh itu kita harap dapat mencapai sasaran berkenaan supaya dapat melengkapkan ekosistem khususnya persekolahan dan memberikan perkhidmatan psikososial yang baik kepada anak-anak kita... insya-Allah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Tekad Reformasi Pendidikan di Dewan Sri Cempaka di sini, yang turut dihadiri Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

Tahun lalu, media melaporkan KPM komited untuk mencapai sasaran nisbah seorang guru kaunseling bagi 250 murid sekolah rendah dan menengah bagi memastikan saranan dan intervensi diperlukan berjalan secara efisien serta efektif.

Fadhlina dilaporkan berkata, walaupun terdapat kekurangan bilangan guru kaunseling ketika ini, KPM akan terus berusaha memastikan sasaran berkenaan dapat dicapai.

Dalam perkembangan berasingan, Fadhlina berkata lebih 122,000 murid Darjah Satu dikesan belum menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira (3M), dengan antara punca adalah keciciran ketika pandemik COVID-19, kemiskinan serta status anak-anak berkeperluan khas.

"Di peringkat keseluruhan yang KPM sudah kenal pasti melalui program Anak Kita yang baru dilancarkan baru-baru ini, terdapat lebih 83,000 anak-anak di seluruh negara yang akan terbabit program ini.

"Ini termasuk bagi Program 3M (sekolah rendah), Program Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) (sekolah menengah) dan Program Murid Cicir (sekolah rendah dan sekolah menengah).

"Bagi saya angka ini sifatnya dinamik kerana sebaik saja mereka menguasai melalui intervensi yang dibuat baik di peringkat negeri atau di Persekutuan dan juga program Anak Kita, nombor ini akan berubah (bertambah baik)," katanya.

Program Anak Kita adalah inisiatif bidang keutamaan kerajaan di bawah fokus Reformasi Pendidikan yang direka khusus untuk menangani masalah keciciran pembelajaran.